

26 JAN 2000

DUA PENGHUNI KOLEJ KETIGA UM PENERIMA ANUGERAH KURSHIAH

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Dua penghuni Kolej Ketiga Universiti Malaya (UM) Rohanis Omar, 22, dan Mohd Hazrizal Abdul Aziz, 24, dianugerah Anugerah Kurshiah di sini, hari ini.

Kedua-dua pelajar itu adalah anak bekas tentera dan anugerah itu merupakan satu daripada dua anugerah tertinggi yang diberikan kepada penghuni Kolej Kediaman Ketiga.

Anugerah itu merupakan pengiktirafan pihak kolej itu kepada mereka yang telah melibatkan diri secara bersungguh-sungguh kepada aktiviti Kolej.

Anugerah itu di sampaikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Asmah Abdul Hamid dalam satu majlis di sini malam ini yang dihadiri kira-kira 800 pelajar UM.

Asmah mewakili Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob.

Pada majlis yang sama, beberapa pelajar turut menerima anugerah lain kolej ketiga UM iaitu Anugerah Jasa Bakti (Rohani Abu Bakar, Azaman Awang Damit dan Nurul Asmawati Harun), Lencana Separuh Penuh Kreatif (Alvin Mahathir dan Farid Sarmin), Lencana Separuh Penuh Sukan (Mohd Faris Mohd Yusof dan Zarudin Iswadi Zakaria) dan Lencana Penuh Sukan (Ahmad Zuraidi Dzafri, Naza'ba Nasarudin dan Ros Marina Azali).

-- BERNAMA

MEO RHM